

# Tag and Ping:

Rahsia Menguasai Trafik Yang Tak Terhingga  
Dari Enjin Carian

E-book ini diterbitkan dan diedarkan secara **PERCUMA**. Anda dibenarkan untuk mengedar dan mencetakkannya kepada rakan rakan, ahli keluarga, pelanggan, prospek dan sesiapa sahaja yang mencari ilmu dalam membuat wang dengan Google Adsense. Namun, anda dilarang untuk mengubah semua kandungan yang terdapat di dalam E-book ini tanpa kebenaran dan pengetahuan pihak **RajaAdsense.com**

Copyright © 2006 Mohd Shamsuriyadi  
**www.RajaAdsense.com**

Hakmilik RajaAdsense.com  
<http://www.rajaadsense.com>

-Percuma-

## Adakah anda sedia untuk menguasai trafik dari Enjin Carian?

Teruskan membaca..

Sahabat sekalian,

Anda tentu pernah dengar istilah **tagging** atau **tag and ping**. Ia merupakan kesinambungan dari teknik blog and ping. Namun ia lebih hebat dari teknik blog and ping.

Bagi Blogger “hardcore” tentu pernah mendengarnya. Ia kini menjadi terkenal setelah Sean Wu mendapat pendapatan dari AdSense sebanyak USD48,000. Beliau telah mengemparkan dunia internet hari ini dan ramai orang berebut rebut untuk mendapatkan E-Book beliau yang berharga **USD147**. Apa yang menarik ialah Sean Wu adalah dari Thailand, Negara jiran kita. Beliau telah menewaskan semua pakar pakar Mat Salleh yang ada kat dunia ini dengan teknik tag and ping ini.

Bagi mereka yang masih belum bagaimana untuk menggunakan kaedah tagging ini. Anda boleh mendapatkan panduan [Raja AdSense](#) untuk membantu anda. Saya ada tunjukkan bagaimana untuk membuat tag di dalam panduan ini.

Saya membuat panduan ringkas ini adalah untuk memberi sedikit gambaran ringkas tentang apa yang dikatakan Tagging...Selamat membaca..

**Soalan 1#. Adakah Tagging hanya untuk mereka yang pakar dalam dunia internet?**

Baiklah. Tagging sebenarnya bukan untuk mereka yang pakar sahaja. Malah anda yang masih baru pun boleh melakukannya.

Anda boleh tag laman web, topik dalam blog, blog anda sendiri dan juga gambar. Kini semakin banyak laman web yang menggunakan tag. Malah sesiapa yang inginkan trafik untuk blog dan laman web bagi meningkatkan jualan atau pendapatan Adsense mereka.

Kini banyak laman web bookmarking seperti Del.ici.us , Furl dan Technorati yang membantu dalam pinging. Jadi muncul lah istilah tagging and pinging. Dengan kaedah ini anda mungkin membawa kepada jualan terhadap produk anda malah mungkin meningkatkan klik pada Adsense anda.

Anda boleh membuatnya secara percuma. Satu kelebihan teknik ini ialah ia membawa lebih banyak backlink kepada laman web anda. Enjin carian sukakan backlink.

## **Soalan 2#:Apa itu Tagging?**

Tag sebenarnya adalah keyword bagi blog post atau keyword bagi blog keseluruhannya. Ia boleh menjadi satu kategori atau hanya satu subjek.

Jika laman web atau blog anda tentang stress...

Namun terdapat lagi kemungkinan lain seperti stress management, stress tips, healthy stress dan sebagainya yang mungkin, namun ia masih dalam kategori stress. Boleh dikatakan ia tiada beza dengan keyword yang kita guna pada meta tag anda.

Namun terdapat banyak perbezaan diantara penggunaan tag dan keyword dalam laman web.

Jika anda menggunakan keyword, anda mungkin akan menggunakan satu keyword sahaja seperti stress management. Anda mungkin tersenarai dengan hanya hanya dengan keyword stress management walaupun terdapatkan keyword lain yang ada pada laman/blog anda. Ia akan mengelirukan enjin carian bagi mengkategorikan laman web anda. Hasilnya ia mungkin pada ranking 10 ribu walaupun ia mengandungi kandunagan/content yang cukup menarik dan fresh.

Tapi dengan tag, anda boleh menggunakan semuanya dan membawa trafik kepada laman web anda. Ini adalah kerana anda boleh membuat tag apa sahaja yang anda mahu.

Dalam SEO, anda mungkin terpaksa memilih satu keyword yang paling sesuai bagi satu page laman web/blog anda.

Tapi dengan tagging anda boleh menggunakan sebanyak mungkin keyword yang anda rasa anda ingin masukkan kepada laman web/blog anda. Dalam tagging optimization anda mungkin mendapat ranking yang tinggi di enjin carian dengan tag berlainan.

Dengan satu post, anda boleh membawa trafik dari beberapa tag. Menarik bukan? Enjin carian tidak buat ranking berdasarkan tag, tapi dari algoritma yang kita langsung tak faham dan sangat kompleks. Tapi laman web bookmarking menggunakan tag untuk menguruskan kandungan laman web mereka. Kebanyakan laman web bookmarking ini mempunyai ranking yang baik di internet. Jadi ia akan membantu anda mendapat ranking yang baik kerana mempunyai kaitan dengan mereka.

### **Soalan 3#: Apa itu Bookmarking website?**

Ia boleh dikatakan sebagai satu laman web yang membenarkan penggunanya membuat bookmark tentang laman web yang mereka gemari dan labelkan mengikut tag yang mereka mahu.

Terdapat banyak bookmarking website hari ni dan Del.icio.us dan Furl. Ia juga membenarkan pengguna untuk mengundi tentang artikel tertentu dan ini akan meningkatkan popularity laman web anda. Walaupun laman web ini menggunakan dijanjikan berlainan namun semuanya menggunakan satu konsep yang sama iaitu tag.

Dengan tag, walaupun anda menulisnya dengan ejaan yang salah anda tetap akan disenaraikan. Tiada siapa yang peduli jika anda salah ejaan kerana anda menggunakan banyak tag, jadi anda akan disenaraikan dengan nama tag lain.

Apa yang menarik, anda tak perlu mempunyai kandungan yang sama dengan tag untuk tersenarai. Sebagai contoh artikel anda mengenai stress, anda boleh meletaknya dengan tag yang popular seperti adsense dan sebagainya selain tag stress.

Kini enjin carian mula menyedari kelebihan social bookmarking website ini dan kini Yahoo pun mula menggunakan konsep sama. Kini ramai pencari maklumat menggunakan laman web bookmark untuk cari maklumat kerana ia disusun oleh orang bukan robot atau perisian. Technorati membenarkan pemilik laman web untuk tag laman web mereka sendiri dan tersenarai pada technorati. Kini lebih dari 40 bilion laman web telah di index oleh Technorati. Anda boleh mendapat beribu pelawat sehari jika anda menguasai Technorati ini.

#### **Soalan 4#: Kenapa anda perlu tag kandungan laman web anda?**

Sudah tentu untuk trafik. Anda juga boleh gunakan ini untuk meningkatkan pendapatan adsense, affiliate dan sebagainya. Apa yang pasti, anda ingin orang lain melawat laman web anda. Ramai diantara kita sanggup menggunakan perkhidmatan iklan berbayar hanya untuk mendapatkan trafik kerana mahu orang datang melawat laman web anda. Mahukah anda mendapat trafik percuma dengan hanya mengubah cara anda post content laman web/blog anda?

Tentu anda inginkan laman web anda mempunyai pelawat dari pelbagai sudut dan penjuru kerana lawatan mereka boleh membuatkan anda mendapat wang dari laman web anda.

Saya ada tunjukkan bagaimana hendak membuat tag pada laman web atau blog anda. Untuk maklumat lanjut sila dapatkan [Panduan Raja Adsense](#) dari Rajaadsense.com

[Klik sini untuk dapatkannya](#)

Sampai disini dahulu coretan pendek dari saya.

Salam hormat dari saya. **Jumpa Anda di Puncak Kejayaan!**

*Shamsuriyadi*

<http://www.rajaadsense.com>

Hakmilik RajaAdsense.com  
<http://www.rajaadsense.com>

-Percuma-